

Mahathir kecewa pendirian AS

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini kecewa dengan pendirian Amerika Syarikat terhadap Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dan berharap Jepun tidak terpengaruh dengan negara itu.

Perdana Menteri juga kurang senang dengan perubahan pendirian pentadbiran Clinton yang sebelum ini berkata bahawa ia mengamalkan sikap terbuka berhubung perdagangan Asean itu.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia akan terus berusaha memberi penjelasan kepada Amerika Syarikat bahawa

EAEC bukan sebuah pakatan perdagangan.

EAEC adalah sebuah forum untuk memberi kekuatan kepada negara-negara kecil seperti Malaysia bekerjasama serta mengadakan rundingan ekonomi dengan kumpulan lain seperti Kesatuan Eropah (EC) dan Nafta.

"Kita akan terus berusaha meyakinkan Amerika berikutan tindakan mereka menolak EAEC itu sedangkan ia bukan sebuah pertubuhan rasmi.

"Kita terima Nafta iaitu pakatan perdagangan tetapi kita tidak menubuhkan pakatan perdagangan.

"Bahkan kita memang tidak ada niat sama sekali untuk menubuhkan pakatan perdagangan. Kenapa, adakah disebabkan warna kulit? Perkara ini mesti dijawab oleh mereka (Amerika)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Festival Tamadun Islam Sedunia 1994, di Pusat Islam, di sini hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan berhubung laporan penafian Jepun terhadap spekulasi yang melaporkan kononnya ia akan mengikut telunjuk Amerika Syarikat menolak EAEC itu.

Sumber-sumber Kementerian Luar Jepun menyebut

pendirian Amerika hanya satu daripada faktor yang diambil kira oleh Jepun dalam membuat keputusan.

Dr Mahathir berkata, walaupun pelbagai usaha sudah dilakukan untuk menjelaskan EAEC bukan sebuah pakatan perdagangan, Amerika masih tetap menganggapnya mempunyai ciri-ciri itu.

Menurutnya, kerajaan tidak akan membenarkan mana-mana pihak menggunakan isu penolakan EAEC itu untuk mempengaruhi hubungannya dengan Amerika, sebaliknya menjadikan ikatan persahabatan untuk menjelaskan pendirian Malaysia.